

- 1 Siapakah yang menjadi pengguna dalaman penyata kewangan?
- Bank
 - Pengurusan
 - Pesaing perniagaan
 - Akaun Belum Bayar
- 2 Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan perabot Adam Mega Holding Sdn. Bhd. dengan tempoh perakaunan berakhir 31 Julai 2023 kepunyaan Encik Adam.
- ‘Encik Adam merekodkan bil elektrik rumahnya berjumlah RM300 ke dalam buku akaun perniagaan.’
- Apakah konsep perakaunan yang gagal beliau patuhi?
- Entiti berasingan
 - Tempoh perakaunan
 - Wang sebagai ukuran
 - Pengiktirafan hasil dan belanja
- 3 Antara berikut yang manakah merupakan belanja bukan operasi perniagaan?
- Hutang lapuk
 - Angkutan masuk
 - Susut nilai kenderaan
 - Rugi atas pelupusan kenderaan
- 4 Hutang perniagaan manakah yang perlu dibayar balik dalam jangka masa panjang?
- Overdraft bank
 - Pinjaman bank
 - Utiliti belum bayar
 - Akaun belum bayar
- 5 Maklumat yang berikut menunjukkan kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan.
- | Aset | Liabiliti | Ekuiti Pemilik |
|-----------|-----------|----------------|
| Berkurang | Berkurang | Bertambah |
- Urus niaga manakah yang menepati kesan di atas?
- Menjelaskan bayaran kepada akaun belum bayar RM1 300 dengan cek
 - Membayar ansuran pinjaman RM2 200 dan faedah pinjaman RM220 dengan cek
 - Jualan tunai RM4 800 bagi inventori berkos RM4 500 telah digunakan untuk menjelaskan akaun belum bayar
 - Menerima bayaran daripada akaun belum terima sebanyak RM3 400 dengan cek untuk menyelesaikan hutang berjumlah RM3 650

- 6 Puan Nazira ialah pemilik bagi Butik Nazira. Beliau telah mendepositkan tunai perniagaan ke dalam akaun bank dengan menggunakan mesin deposit tunai.

Nyatakan dokumen bagi urus niaga di atas.

- A Slip daftar tunai
- B Slip pindahan wang
- C Slip perbankan dalam talian
- D Slip Transaksi Perbankan Elektronik

- 7 Pernyataan berikut berkaitan dengan syarat dalam invois.

Serahan: Angkutan dibayar
K. & K. di K.

Antara berikut, pernyataan manakah yang benar?

- I Kos pengangkutan barang ditanggung oleh pembeli
 - II Kos pengangkutan barang ditanggung oleh pembekal
 - III Kesilapan dan ketinggalan boleh dibetulkan dengan nota debit dan nota kredit
 - IV Kesilapan dan ketinggalan boleh dibetulkan dengan makluman debit dan makluman kredit
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 8 Berikut adalah urus niaga yang berlaku pada bulan Ogos 2023 bagi Henry Enterprise.

2023	Urus Niaga
Ogos 3	Membeli barang niaga RM10000 pada harga senarai, diskauan niaga 10%
6	Memulangkan barang kepada Pembekal RM500 pada harga senarai.
	Syarat 10% 7 hari dan 5% 14 hari.

Berapakah jumlah yang perlu dibayar pada 9 Ogos 2023?

- A RM10 500
- B RM9 500
- C RM8 550
- D RM7 695

9 Logesh baru memulakan perniagaan dengan tunai di tangan RM8 000 dan lengkapan RM3 000.

Apakah Buku Catatan Pertama yang sesuai untuk merekod urus niaga tersebut?

- A Jurnal Am
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Jualan
- D Jurnal Penerimaan Tunai

10 Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?

- A Mengawal aliran masuk dan keluar wang milik perniagaan
- B Merekod semua penerimaan dan pembayaran melalui tunai
- C Merekod belanja kecil yang kerap berlaku dalam perniagaan
- D Mengurangkan risiko penyelewengan dan kecurian tunai

11 Cara merekod dalam lejar yang manakah betul?

- A Kredit apabila aset bertambah
- B Debit apabila jualan bertambah
- C Debit apabila belian bertambah
- D Kredit apabila ambilan bertambah

12 Urus niaga berikut berlaku kepada Kedai Kasut Alysa pada 1 Jun 2023.

Pemilik membeli komputer untuk kegunaan perniagaan secara tunai dengan menggunakan hasil jualan tunai.

Catatan bergu yang manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Tunai	Alatan Pejabat
B	Alatan Pejabat	Tunai
C	Jualan	Alatan Pejabat
D	Alatan Pejabat	Jualan

13 Pernyataan manakah yang **benar** mengenai Imbangan Duga?

- I Menguji ketepatan catatan bergu
- II Membetulkan kesilapan melalui Jurnal Khas
- III Menunjukkan kedudukan aset, liabiliti, dan ekuiti pemilik
- IV Mengandungi senarai baki yang diambil daripada semua lejar
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada Khor Enterprise.

Imbangan Duga pada 31 Jun 2023		
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Gaji	20 000	Sewa diterima
Jualan	12 800	Pulangan keluar

Butiran manakah yang telah tersalah catat?

- A Gaji
- B Jualan
- C Sewa diterima
- D Pulangan keluar

15 Apakah item yang menambahkan kos belian?

- A Duti import
- B Pulangan masuk
- C Angkutan keluar
- D Diskaun diterima

16 Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunan Perniagaan Salmah pada 31 Ogos 2023.

	RM
Untung kasar	17 250
Insurans	1 200
Sewa premis	5 600
Perabot	4 280
Tunai	850
Diskaun diterima	220
Faedah atas simpanan	240
Bank	10 300
Kadar bayaran	450

Hitung untung bersih Perniagaan Salmah bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023?

- A RM9 980
- B RM10 020
- C RM10 460
- D RM11 360

- 17 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sejenis belanja.

Belanja ini berlaku apabila pelanggan yang berhutang telah diisyiharkan muflis oleh mahkamah.

Nyatakan belanja berkenaan.

- A Hutang ragu
- B Hutang lapuk
- C Hutang lapuk terpulih
- D Peruntukan Hutang Ragu

- 18 Jadual di bawah menunjukkan maklumat tentang aset bukan semasa yang dimiliki oleh Kilang Mattel.

Aset Bukan Semasa	Tarikh beli	Harga kos
Jentera	1 Julai 2022	RM75 000
Kenderaan	1 Oktober 2023	RM15 000

Jentera dan kenderaan disusut nilai dengan kadar 10% setahun atas kos pada 31 Disember 2023.

Hitung susut nilai terkumpul kedua-dua aset bukan semasa tersebut?

- | | Jentera | Kenderaan |
|---|----------------|------------------|
| A | RM3 750 | RM375 |
| B | RM3 750 | RM1 500 |
| C | RM7 500 | RM1 500 |
| D | RM11 250 | RM375 |

- 19 Manakah yang merupakan kesilapan prinsip?

- A Akaun sewa dibayar tersilap rekod sebagai sewa diterima
 - B Jualan kepada Kamal RM300 tersalah rekod ke dalam Akaun Kamil
 - C Ambilan tunai bernilai RM90 didebit dalam kedua-dua akaun
 - D Belanja membaiki kenderaan RM200 tersilap debit ke dalam Akaun Kenderaan
- 20 Puan Alia memaklumkan perniagaannya telah memperoleh untung kasar sebanyak 50 sen bagi setiap RM1 kos jualan.

Apakah analisis nisbah yang digunakan oleh Puan Alia?

- A Tokokan
- B Pulangan atas modal
- C Margin Untung Kasar
- D Nisbah keberuntungan

- 21 Petikan imbangan duga berikut diambil daripada buku seorang peniaga. Ketika penyediaan Penyata Kewangan, terdapat kesilapan telah dikesan.

Imbangan Duga Pada 30 Jun 2023 (Petikan)

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jualan		8120
Akaun Belum Terima	2090	

Maklumat tambahan:

Kerani terlupa merekodkan sekeping invois yang dihantar kepada pelanggan bernilai RM169. Bagaimanakah urus niaga ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2023 Jun 30	Akaun Belum Terima Jualan	2259	2259

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2023 Jun 30	Akaun Belum Terima Jualan	7951	7951

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2023 Jun 30	Akaun Belum Terima Jualan	8289	8289

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2023 Jun 30	Akaun Belum Terima Jualan	169	169

- 22 Nisbah semasa bagi Syarikat Eisya ialah 2:1.

Apakah tafsiran mengenai analisis nisbah tersebut?

- A Jumlah liabiliti melebihi 2 kali ganda jumlah aset
- B Setengah daripada jumlah aset adalah aset semasa
- C Jika RM2 yang dilaburkan, syarikat memperoleh pulangan sebanyak RM1
- D Setiap RM2 nilai aset semasa dapat menjelaskan RM1 nilai liabiliti semasa

- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Sukan Dayini, sebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod yang lengkap.

Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2023	
	RM
Y	60 000
<i>Tolak: Z</i>	(30 000)
	30 000

Apakah butiran pada **Y** dan **Z**?

	Y	Z
A	Aset	Liabiliti
B	Aset Semasa	Liabiliti Semasa
C	Modal awal	Ambilan
D	Modal awal	Modal akhir

- 24 Situasi manakah yang menunjukkan kerani mempunyai rekod tak lengkap dalam perniagaan Mutiara Enterprise?
- A Kerani merekod ambilan komputer di Akaun Ambilan sahaja
 - B Kerani merekod bayaran gaji di Akaun Gaji dan Akaun Tunai
 - C Kerani merekod jualan kredit di Jurnal Jualan dan membuat pemindahan ke lejar
 - D Kerani merekod belian meja pejabat dengan cek ke Akaun Perabot dan Akaun Bank
- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada Puan Chong yang menyimpan rekod dengan tidak lengkap bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

	RM
Baki akaun belum terima pada 1 Julai 2022	12 550
Baki akaun belum terima pada 30 Jun 2023	10 600
Jualan tunai	16 200
Bayaran daripada akaun belum terima	12 450
Diskaun diberi	1 700
Pulangan jualan	2 100
Hutang lapuk	1 100

Berapakah jumlah jualan dalam Akaun Perdagangan Puan Chong bagi tahun berakhir 30 Jun 2023?

- A RM15 400
- B RM27 950
- C RM31 600
- D RM35 500

- 26 Apakah tujuan Perniagaan Wellesley mengamalkan sistem kawalan tunai?
- A Untuk memperoleh keuntungan
 B Untuk memperoleh jualan yang maksimum
 C Untuk menyimpan tunai yang banyak di tangan
 D Untuk memastikan perniagaan mempunyai aliran tunai yang mencukupi
- 27 Cek RM2 350 yang dibayar kepada Pembekal Rosida tersilap rekod dalam Buku Tunai sebanyak RM3 250. Cek tersebut telah ditunaikan oleh Pembekal Rosida.
- Bagaimanakah kesilapan ini direkodkan apabila Buku Tunai dikemaskinikan?
- A Debit RM900
 B Kredit RM900
 C Debit RM2 350
 D Kredit RM2 350
- 28 Antara berikut, butiran manakah yang **tidak** terdapat dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?
- A Gaji pekongsi
 B Faedah atas modal
 C Faedah atas ambilan
 D Faedah atas pinjaman
- 29 Norman dan Yusry merupakan dua orang rakan kongsi yang bekerjasama dalam Perkongsian Norman dan Yusry. Tempoh perakaunan bagi perkongsian mereka berakhir pada 30 Jun setiap tahun. Maklumat di bawah adalah tentang ambilan yang dibuat oleh Norman sepanjang tempoh perakaunan:
- | Tarikh | Jumlah ambilan (RM) |
|-----------------|----------------------------|
| 1 November 2022 | 840 |
| 1 Mei 2023 | 600 |
- Maklumat tambahan:**
 Kadar faedah atas ambilan ialah 5%
- Berapakah faedah atas ambilan yang dikenakan ke atas ambilan yang dibuat oleh Norman?
- A RM72
 B RM42
 C RM33
 D RM30

- 30 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Jason dan Jessy.

	RM
Jumlah aset	55 000
Jumlah liabiliti	8 400

Dalam proses pembubaran, semua aset dijual sebanyak RM50 000. Belanja realisasi RM750 manakala liabiliti dijelaskan sepenuhnya dan menerima diskaun RM400.

Kirakan rugi realisasi.

- A RM5 000
- B RM5 350
- C RM5 750
- D RM6 150

- 31 Maklumat berikut menunjukkan perbezaan antara syer biasa dengan syer keutamaan.

Perbezaan manakah yang betul?

	Syer Biasa	Syer Keutamaan
I	Kadar dividen tetap	Kadar dividen tidak tetap
II	Menerima dividen selepas diberikan dividen kepada pemegang syer keutamaan	Menerima dividen terlebih dahulu daripada pemegang syer biasa
III	Berhak mendapat tunggakan dividen	Tidak berhak mendapat tunggakan dividen
IV	Berhak mengundi	Tidak berhak mengundi
A	I dan II	
B	I dan III	
C	II dan IV	
D	III dan IV	

- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Mawar Berhad.

Pada 20 Mac 2023, Syarikat Sizuka telah membeli 90 000 unit 8% syer keutamaan RM2 sesyer. Pada 30 Jun 2023, Lembaga Pengarah telah mengisyiharkan dividen Interim untuk syer keutamaan.

Hitung jumlah dividen interim yang perlu dibayar kepada Syarikat Sizuka?

- A RM1 200
- B RM3 600
- C RM4 800
- D RM14 400

- 33 Berikut adalah maklumat Syarikat Pinang Berhad pada 1 Januari 2023.

	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
600 000 unit 7% syer keutamaan	1 200 000
6 000 000 unit syer biasa	3 000 000

Pada 30 Jun 2023, Lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen interim syer keutamaan dan 8% syer biasa. Berapakah jumlah dividen?

- A RM162 000
 - B RM282 000
 - C RM324 000
 - D RM522 000
- 34 Kelab Sukan Saffira telah mengubahsuai bangunan untuk menampung jumlah ahli yang semakin bertambah. Perkara ini akan direkodkan sebagai
- A Perbelanjaan hasil
 - B Perbelanjaan modal
 - C Pendapatan hasil
 - D Pendapatan modal
- 35 Kelab Renang Ikan Yu telah mengadakan pertandingan renang 100m dan $100m \times 4$ untuk mengutip derma bagi menambah tabung kelab. Pertandingan tersebut telah berjaya mengumpul wang sebanyak RM9 988 daripada orang ramai.

Pilih catatan yang tepat dalam petikan Penyata Kewangan.

- A **Akaun Untung Rugi**
- | | |
|-------|-----------|
| | RM |
| Derma | 9988 |
- B **Akaun Untung Rugi**
- | | |
|-----------|------|
| RM | |
| Derma | 9988 |
- C **Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan**
- | | |
|-----------|------|
| RM | |
| Derma | 9988 |
- D **Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan**
- | | |
|-----------|------|
| RM | |
| Derma | 9988 |

- 36 Maklumat berikut berkaitan dengan yuran Kelab Bola Sepak Taman Berjaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

	RM
Yuran 2021	40
Yuran 2022	520
Yuran 2023	35

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2022 yuran belum terima RM65
- (ii) Yuran tahun 2022 yang belum terima ialah RM25

Berapakah yuran yang dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM520
 - B RM545
 - C RM580
 - D RM645
- 37 Manakah antara yang berikut merupakan komponen belanja langsung
- I Royalti
 - II Cap dagang
 - III Sewa kilang
 - IV Susut nilai mesin
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 38 Kilang Mainan Sally beroperasi mengeluarkan mainan kanak-kanak di kawasan perindustrian Perai, Pulau Pinang.

Manakah yang merupakan kos buruh tak langsung kilang?

- I Gaji jurujual
- II Gaji penyelia kilang
- III Gaji penyelia stor kilang
- IV Gaji operator pengeluaran
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Maklumat berikut didapati daripada Kilang Kasut Seri?

	RM
Jumlah kos	360 000
Jumlah kos berubah	200 000
Harga jualan seunit	120
Kos berubah seunit	70

Berapakah titik pulang modal?

- A 7 200 unit
- B 4 000 unit
- C 3 200 unit
- D 3 000 unit

40 Maklumat berikut diperoleh daripada rekod perakaunan Kilang Suria.

	RM
Inventori awal bahan langsung	13 500
Inventori akhir bahan langsung	9 970
Belian bahan langsung	54 700
Pulangan belian bahan langsung	1 200
Angkutan masuk bahan langsung	4 540
Hak cipta	8 880
Buruh kilang	36 000
Sewa kilang	7 000

Maklumat Tambahan:

- i. Buruh langsung termasuk gaji pengurus kilang RM8 000.

Berapakah kos prima?

- A RM95 990
- B RM98 450
- C RM105 450
- D RM106 450

SOALAN TAMAT